

Tingkah Laku Jurulatih, Kepuasan dan Motivasi: Perspektif Atlet Sekolah

Mohamad Nizam Nazarudin, Chong Swee Le, Zakiah Noordin, Mohd Firdaus
Abdullah, dan Mohd Khairulanwar Md Yusof
Universiti Malaysia Sabah
DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v1i1.6751>

Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan bagi menentukan hubungan antara tingkah laku jurulatih sukan dengan kepuasan dan motivasi atlet di Sekolah Sukan Sabah. Seramai 127 orang atlet telah dipilih dalam kajian ini dan instrumen yang digunakan adalah soal selidik *Coaching Behavior Scale for Sport*, *Sports Motivation Scale* dan *Athlete Satisfaction Questionnaire* yang telah diterjemahkan. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku jurulatih berdasarkan jantina. Didapati juga bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan persediaan mental, penetapan matlamat dan strategi pertandingan, namun terdapat perbezaan yang signifikan bagi dimensi latihan fizikal dan perancangan kemahiran teknikal dan keseluruhan tingkah laku jurulatih berdasarkan kategori sukan. Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tingkah laku jurulatih berdasarkan tahap penglibatan atlet secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, hanya terdapat perbezaan yang signifikan bagi dimensi penetapan matlamat adalah signifikan berdasarkan tahap penglibatan atlet. Sementara itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemahiran teknikal, strategi pertandingan, latihan fizikal dan perancangan, penetapan matlamat, dan persediaan mental dengan kepuasan atlet. Terdapat juga hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemahiran teknikal, strategi pertandingan, latihan fizikal dan perancangan, penetapan matlamat, dan persediaan mental dengan motivasi atlet. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dan kuat antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlet. Tingkah laku jurulatih semasa latihan, semasa pertandingan dan ketika tidak berlatih mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemain mereka dan mungkin akan memberi kesan kepada prestasi pemain serta penyertaan pemain dalam sesuatu pertandingan.

Kata kunci: tingkah laku, kepuasan, motivasi, jurulatih, atlet

Melalui persekitaran sukan, jurulatih boleh mempunyai pengaruh yang kuat ke atas nilai dan memori pengalaman atlet termasuklah keseluruhan kesejahteraan (Jowett & Cramer, 2010), dan strategi yang atlet gunakan untuk menetapkan serta mencapai matlamat prestasi (Smith, Ntoumanis, & Duda, 2010). Jurulatih memainkan beberapa peranan, iaitu sebagai guru, mentor, pemimpin dan interaksi mereka dengan atlet banyak mempengaruhi motivasi dan keseronokan penyertaan dalam sukan (Wang, Koh, & Chatzisarantis, 2009). Tidak menghairankanlah jika ramai atlet menamakan jurulatih mereka sebagai seorang tokoh penting dalam kehidupan mereka, dan hubungan ini didapati menjadi faktor yang berkaitan dengan prestasi atlet (Jowett & Cramer, 2010). Untuk tujuan ini, kajian lepas telah memberi tumpuan kepada pelbagai faktor jurulatih yang berkaitan (contohnya, gaya kepimpinan, tingkah laku, iklim motivasi dan hubungan) berhubung dengan motivasi diri atlet. Horn (2011) telah menunjukkan kepentingan gaya kepimpinan jurulatih dan pengaruhnya ke atas motivasi atlet dan persepsi gaya maklum balas.

Di samping itu, Kajian Jowett dan Cramer (2010) terhadap atlet remaja perempuan menunjukkan bahawa hubungan jurulatih-atlet dapat meramalkan deskripsi kesejahteraan fizikal dan konflik dalam hubungan “jurulatih-atlet” menyebabkan kecekapan psikologi dan prestasi keseluruhan ke arah tahap yang lebih rendah. Semakin lama atlet terlibat dalam sukan mereka, mereka

mahukan lebih banyak hubungan saling membantu yang positif dengan jurulatih mereka. Maklum balas “yang kritikal atau disiplin daripada jurulatih” boleh menyebabkan hasil negatif yang tinggi kepada atlet dan mereka mengadu tentang gaya maklum balas jurulatih sebagai alasan bagi tahap prestasi dan keseronokan mereka yang menurun (Gearity, 2011; Gearity & Murray, 2010). Disebabkan sifat semulajadi interaksi “jurulatih-atlet”, banyak mempengaruhi beberapa proses psikologi, kejayaan dan kejayaan atlet (Smith et al., 2010; Wang et al., 2009). Motivasi merupakan unsur utama kuasa kepada jurulatih untuk mempengaruhi atlet, namun jurulatih masih belum memahami sepenuhnya proses yang terlibat.

Tingkah laku Jurulatih, Kepuasan dan Motivasi

Kepuasan seseorang atlet dalam latihan atau kejohanan yang disertainya berpunca daripada atlet itu sendiri. Namun terdapat juga faktor-faktor lain yang dijangkakan mempengaruhi kepuasan tersebut. Oleh yang demikian, tingkah laku jurulatih yang memberi kesan kepada pencapaian dan kepuasan atlet secara langsung atau tidak langsung akan terus meningkatkan pencapaian dan motivasi atlet. Jurulatih perlu mempunyai pelbagai cara bagi menangani masalah yang akan dihadapi oleh atlet serta

perlu kepakaran dalam membantu atlet bagi mencapai kepuasan dalam kejohanan yang disertai. Selain atlet itu sendiri, individu lain yang boleh mempengaruhi prestasi sukan seseorang atlet adalah jurulatih mereka.

Prestasi sukan seorang atlet mudah dipengaruhi dengan nilai positif, iaitu dengan cara jurulatih menyesuaikan tingkah laku mereka untuk memenuhi keperluan atlet (Murray, 2006). Selain itu, kepuasan hati seseorang atlet dalam sukan adalah berkait rapat dengan tingkah laku seseorang jurulatih tersebut (Iso-Ahola & Hatfield, 1986) dan bukan disebabkan prestasi pasukan yang telah berjaya. Justeru, bagi memahami tingkah laku kejurulatihan yang positif dan diingini, beberapa kajian telah dilaksanakan untuk mengukur tingkah laku jurulatih berkaitan (Chelladurai & Saleh, 1978, 1980; Zhang et al., 1997). Ini adalah kerana tingkah laku jurulatih yang positif lazimnya akan diingati dan dicontohi oleh atlet (Stewart, 1993).

Daripada kajian-kajian yang lepas, para penyelidik membangunkan instrumen bagi mengukur tingkah laku kejurulatihan dan ukuran yang paling kerap digunakan adalah skala kepimpinan sukan (Leadership in Sports Scale, LSS). Walau bagaimanapun, LSS ini memperlihatkan beberapa masalah psikometri (Côté, Yardley, Sedgwick, & Dowd, 1996) apabila beberapa penulisan terdahulu menghadapi masalah penggunaan instrumen berkaitan. (Gordon, 1986; Summers, 1983). Selain itu, kajian yang dijalankan dengan menggunakan instrumen berkenaan tidak memperoleh fakta yang betul, tepat dan kurang membantu jurulatih-jurulatih dalam memperbaiki tingkah laku sendiri.

Sementara itu, teori untuk pembangunan skala tingkah laku jurulatih sukan (Coaching Behavior Scale, CBS-S) telah direka untuk menilai tingkah laku jurulatih dari perspektif atlet (Cote et al, 1996). Terdapat tujuh sub-skala dalam instrumen CBS ini, iaitu melibatkan kekerapan jurulatih melaksanakan latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat, strategi pertandingan dan hubungan peribadi. CBS-S boleh digunakan sebagai alat penyelidikan untuk menyediakan data mengenai tingkah laku seseorang jurulatih tersebut. Semasa mengkaji tingkah laku jurulatih, mungkin sesuai juga bagi pengkaji untuk memberi tumpuan kepada jenis sukan yang diceburi jurulatih itu yang boleh mempengaruhi tingkah laku yang ditunjukkannya. Hal ini kerana pelbagai jenis sukan yang dipertandingkan dalam sesuatu kejohanan itu boleh diklasifikasikan kepada sukan individu dan sukan berpasukan.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian literatur antarabangsa, yang mengkaji hubungan antara tingkah laku jurulatih dan motivasi atlet (Abedini et al., 2014; Baric & Bucik, 2009; Wu et al., 2014; Zardoshtian et al., 2011), didapati bahawa ciri-ciri sampel tidak dapat mencerminkan ciri-ciri sampel di Sabah dengan atlet yang berbeza dalam pelbagai struktur sosial, yang mana sukan yang diceburi serta struktur organisasi sukan juga adalah berbeza. Kajian lepas

menunjukkan bahawa tingkah laku jurulatih yang diperlukan oleh atlet adalah berbeza (Horn et al., 2011; Kaya & Canbaz, 2005; Riemer & Toon, 2001; Türksoy & şarkıcı, 2003). Berdasarkan fakta, didapati tingkah laku jurulatih yang memberi kesan kepada prestasi atlet dengan ciri-ciri yang berbeza adalah penting. Kefahaman tentang isu ini boleh membantu meningkatkan motivasi dan kepuasan atlet.

Oleh kerana itu, kajian semasa yang bertujuan untuk menentukan hubungan antara tingkah laku jurulatih, motivasi dan kepuasan atlet sekolah sukan Sabah adalah amat penting. Ramai jurulatih membawa pasukan mereka dengan gaya yang mereka rasakan terbaik. Adalah penting untuk jurulatih memahami setiap keperluan dan keinginan atlet untuk memperbaiki kepuasan serta motivasi atlet tersebut (Reimer & Chelladurai, 1998). Kebanyakan jurulatih gagal untuk mengambil kira keperluan dan kehendak atlet mereka. Tingkah laku jurulatih yang baik dan disukai oleh atlet boleh membawa kepada kepuasan dan peningkatan prestasi atlet. Tegasnya jurulatih yang memahami apa yang dikehendaki oleh atlet mereka lebih berkesan dalam memotivasikan atlet tersebut (Horn, 2002).

Objektif

Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan dan motivasi atlet di Sekolah Sukan Sabah. Objektif ini diperincikan kepada dua objektif seperti berikut:

1. mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina, kategori sukan dan tahap penglibatan.
2. menentukan hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet dan motivasi atlet sekolah.

Metode

Responden

Kajian ini merupakan satu penyelidikan kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik. Responden adalah seramai 127 orang atlet di Sekolah Sukan Sabah.

Prosedur

Soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada responden. Soal selidik mengandungi satu set soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A terdiri dari biodata subjek seperti umur, jantina, jenis sukan, dan kategori sukan manakala bahagian B menggunakan soal selidik “Skala Tingkah Laku Kejurulatihan” dalam sukan (CBS-S) dengan tambahan tiga item berkaitan ketua jurulatih, penolong jurulatih dan tahap kepuasan atlet. Bahagian C merupakan soal selidik Skala Motivasi Sukan sebanyak 28 Item. Manakala Bahagian D

menggunakan soal selidik, “Kepuasan Atlet” (ASQ) yang telah dibangunkan oleh Riemer dan Chelladurai (1998).

Pengukuran

Pengukuran adalah menggunakan skala Likert bagi membuat perbandingan dan mengkaji hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain.

Analisis

Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics dan dapatan dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, perbandingan dan kolerasi.

Keputusan

Demografi Responden Atlet

Seramai 127 orang atlet telah terlibat dengan kajian ini. Ringkasan maklumat latar belakang atlet ditunjukkan dalam Jadual 1. Hasil kajian menunjukkan seramai 66 (51.9%) ialah lelaki dan 61 atlet (48.1%) ialah perempuan. Manakala mengikut kategori sukan, seramai 55 atlet (43.4%) terlibat dalam sukan individu dan 72 atlet (56.6%) terlibat dalam sukan berpasukan.

Jadual 1
Bilangan Atlet Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	66	51.9
Perempuan	61	48.1
Jumlah	127	100.0

Dapatan berdasarkan umur dapat dilihat dalam Jadual 2, iaitu atlet yang berumur 16 tahun hingga 18 tahun merupakan atlet yang paling ramai dengan jumlah 66

responden (51.9%) manakala atlet yang berumur 13 tahun hingga 15 tahun seramai 61 responden (48.1). Dapatan menunjukkan perbezaan seramai 5 orang (3.93%).

Jadual 2
Bilangan Atlet Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan	Peratus
13 tahun hingga 15 tahun	61	48.1
16 tahun hingga 18 tahun	66	51.9
Jumlah	127	100.0

Manakala dapatan berdasarkan acara dapat dilihat dalam Jadual 3. Daripada jadual tersebut didapati bilangan acara sukan paling popular disertai oleh responden ialah hoki (P) dengan 30 orang (23.7%), olahraga seramai 24 orang

(18.9%) dan diikuti oleh bola sepak (L) seramai 20 orang (15.7%), bola sepak (P) seramai 18 orang (14.2%), bola jaring 16 orang (12.6%) dan renang seramai 13 orang (10.2%), serta terjun seramai 6 orang (4.7%).

Jadual 3
Bilangan Acara Sukan Yang Diceburi Atlet

Acara Sukan Yang Diceburi Atlet	Bilangan	Peratus
Bola sepak (L)	20	15.7
Bola Sepak (P)	18	14.2
Hoki(P)	30	23.7
Renang	13	10.2
Olahraga	24	18.9
Bola Jaring	16	12.6
Terjun	6	4.7
Jumlah	127	100.0

Jadual 4 pula menunjukkan, atlet yang mengambil bahagian dalam kategori sukan individu dengan 43 orang (33.9%), kurang sedikit berbanding atlet yang mengambil bahagian

dalam kategori sukan berpasukan, iaitu 84 orang (66.1%). Perbezaan adalah seramai 41 orang (51.1%).

Jadual 4

Bilangan Atlet Berdasarkan Kategori Sukan Individu dan Sukan Berpasukan

Kategori sukan	Bilangan	Peratus
Individu	43	33.9
Berpasukan	84	66.1
Jumlah	127	100.0

Berdasarkan Jadual 5, didapati seramai 46 orang atlet (36.2%) menyatakan penglibatan mereka dalam sukan adalah selama tujuh hingga sembilan tahun; 39 orang atlet (30.8 %) selama sepuluh tahun dan ke atas; 30 orang atlet

(23.6%) empat hingga enam tahun; manakala penglibatan yang paling pendek dengan seramai 12 orang atlet (9.4%) adalah selama setahun hingga tiga tahun.

Jadual 5

Bilangan Tempoh Penglibatan Sebagai Atlet

Tempoh Penglibatan Sebagai Atlet	Bilangan	Peratus
1 tahun hingga 3 tahun	12	9.4
4 tahun hingga 6 tahun	30	23.6
7 tahun hingga 9 tahun	46	36.2
10 tahun dan >	39	30.8
Jumlah	127	100.0

Bilangan atlet berdasarkan jantina dapat dilihat dalam Jadual 6. Hasil kajian menunjukkan 93 atlet (73.2 %)

dilatih oleh jurulatih lelaki manakala hanya 34 atlet (26.7%) dilatih oleh jurulatih perempuan.

Jadual 6

Bilangan Atlet Berdasarkan Jantina Jurulatih

Jantina Jurulatih	Bilangan	Peratus
Lelaki	93	73.2
Perempuan	34	26.7
Jumlah	127	100.0

Manakala bilangan atlet berdasarkan tahap tertinggi penglibatan dalam sukan dapat dilihat dalam Jadual 7. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan atlet adalah wakil negeri (terbuka), iaitu seramai 86 orang (67.7%) dan atlet yang mewakili negeri di peringkat Majlis Sekolah-Sekolah

Sukan Sabah (MSSS) seramai 23 orang (18.1%). Atlet yang mewakili peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) seramai 18 orang (14.2%). Ini bermaksud 80% atlet yang dikaji sekurang-kurangnya telah mewakili sukan peringkat Negeri.

Jadual 7

Bilangan Atlet Berdasarkan Tahap Tertinggi Penglibatan Dalam Sukan

Tahap Tertinggi Penglibatan Dalam Sukan	Bilangan	Peratus
MSSS	23	18.1
MSSM	18	14.2
Negeri (Terbuka)	86	67.7
Jumlah	127	100.0

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Jantina

Dalam Jadual 8, Ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang

signifikan dalam min latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat dan min strategi pertandingan, serta keseluruhan tingkah laku jurulatih berdasarkan jantina ($k > .05$).

Jadual 8

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Jantina

Tingkah Laku Jurulatih	Jantina	N	Min	SP	t	dk	k
Latihan Fizikal Dan Perancangan	Lelaki	66	4.166	.812	.447	125	.815
Kemahiran Teknikal	Perempuan	61	4.102	.732			
	Lelaki	66	4.154	.650	-1.941	125	.512
	Perempuan	61	4.122	.923			
Persediaan Mental	Lelaki	66	3.985	.878	-1.872	125	.780
	Perempuan	61	3.953	.987			
Penetapan Matlamat	Lelaki	66	4.102	.713	-.812	125	.798
	Perempuan	61	4.059	.818			
Strategi Pertandingan	Lelaki	66	4.211	.633	-.734	125	.816
	Perempuan	61	4.156	.788			
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	Lelaki	66	4.233	.811	-.911	125	.713
	Perempuan	61	4.324	.897			

N=127

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Kategori Sukan

Dalam Jadual 9 pula, Ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan tahap tingkah laku

jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min persediaan mental, penetapan matlamat, dan strategi pertandingan.

Jadual 9

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Kategori Sukan

Tingkah Laku Jurulatih	Kategori Sukan	N	M	SP	t	dk	k
Latihan Fizikal Dan Perancangan	Individu	43	4.221	.630			
	Berpasukan	84	3.976	.989	3.265	125	.049*
Kemahiran Teknikal	Individu	43	3.646	.636			
	Berpasukan	84	3.434	.689	3.786	125	.045*
Persediaan Mental	Individu	43	3.192	.576			
	Berpasukan	84	2.912	.649	2.960	125	.655
Penetapan Matlamat	Individu	43	3.511	.642			
	Berpasukan	84	3.337	.808	2.980	125	.568
Strategi Pertandingan	Individu	43	3.721	.748			
	Berpasukan	84	3.540	.943	2.987	125	.470
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	Individu	43	3.654	.470			
	Berpasukan	84	3.420	.635	3.345	125	.036*

N = 127

Nota: * $k < .05$

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi latihan fizikal dan perancangan ($t = 3.265$, $dk = 125$; $k < .05$), kemahiran teknikal ($t = 3.786$, $dk = 125$; $k < .05$), dan keseluruhan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet ($t = 3.345$, $dk = 125$; $k < .05$) berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan.

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Tahap Penglibatan Atlet

Berdasarkan Jadual 10, ujian ANOVA (*Analysis of variances*) sehala digunakan untuk melihat perbezaan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan tahap

penglibatan atlet. Tahap penglibatan atlet dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlet yang mewakili negeri peringkat MSSS, atlet mewakili MSSM dan atlet yang mewakili peringkat negeri (Terbuka). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang

signifikan dalam latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, strategi pertandingan dan keseluruhan tingkah laku jurulatih berdasarkan jantina ($k > .05$) kecuali penetapan matlamat ($F = 4.386$, $dk = 125$; $k < .05$).

Jadual 10

Perbezaan Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Tahap Penglibatan Atlet

Tingkah Laku Jurulatih	Tahap penglibatan Atlet	JKD	dk	MKD	F	k
Latihan fizikal dan perancangan	Antara kumpulan	.788	2	.380		
	Dalam Kumpulan	135.8	125	.685	2.978	.663
	Jumlah	123.8	127			
Kemahiran teknikal	Antara kumpulan	.899	2	.453		
	Dalam Kumpulan	91.09	125	.471	3.983	.467
	Jumlah	92.98	127			
Persediaan mental	Antara kumpulan	.711	2	.405		
	Dalam Kumpulan	75.43	125	.381	4.832	.550
	Jumlah	73.2	127			
Penetapan matlamat	Antara kumpulan	4.64	2	2.325		
	Dalam Kumpulan	101.9	125	.567	4.386	.047*
	Jumlah	111.3	127			
Strategi pertandingan	Antara kumpulan	3.87	2	1.928		
	Dalam Kumpulan	141.8	125	.733	6.767	.709
	Jumlah	150.6	127			
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	Antara kumpulan	1.49	2	.757		
	Dalam Kumpulan	65.8	125	.343	2.245	.627
	Jumlah	69.7	127			

N = 127

Nota: * $k < .05$

Hubungan antara Tingkah Laku Jurulatih dengan Kepuasan Atlet Sekolah Sukan

Berdasarkan Jadual 11, didapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan dan sangat kuat antara kemahiran teknikal ($r = .910$, $k = .000$), strategi pertandingan ($r = .922$, $k = .000$) dengan kepuasan atlet. Dalam konteks ini wujud hubungan positif yang signifikan dan kuat antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal

dan perancangan ($r = .863$, $k = .028$), penetapan matlamat ($r = .793$, $k = .020$) dengan kepuasan atlet. Selain daripada itu, didapati wujud hubungan yang positif yang signifikan dan sederhana antara persediaan mental dengan kepuasan atlet ($r = .674$, $k = .008$). Manakala kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif yang signifikan dan kuat antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet ($r = .871$, $k = .028$).

Jadual 11

Korelasi Pearson Antara Tingkah Laku Jurulatih Dengan Kepuasan Atlet Sekolah Sukan

Tingkah Laku Jurulatih	Dimensi	N	Kepuasan Atlet	
			Pekali korelasi	Paras Signifikan
Latihan fizikal dan perancangan		127	.863*	0.028
	Kemahiran teknikal	127	.910**	0.000
Persediaan mental		127	.674*	0.008
Penetapan matlamat		127	.793*	0.020
Strategi pertandingan		127	.922**	0.000
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih		127	.871*	0.028

Nota: * $k < .05$ ** $k < .01$

Hubungan Antara Tingkah Laku Jurulatih Dengan Motivasi Atlet Sekolah Sukan

Berdasarkan Jadual 12 pula didapati bahawa terdapat hubungan positif serta signifikan dan kuat antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan ($r = .898$, $k < .05$), penetapan matlamat ($r = .875$, $k < .05$) dengan motivasi atlet. Sementara itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang

signifikan dan sangat kuat antara kemahiran teknikal ($r = .913$, $k < .05$), strategi pertandingan ($r = .919$, $k < .05$) dengan motivasi atlet. Selain daripada itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan dan sederhana antara persediaan mental dengan motivasi atlet ($r = .707$, $k < .05$). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dan kuat antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlet ($r = .877$, $k < .05$).

Jadual 12

Korelasi Pearson antara Tingkah Laku Jurulatih dan Motivasi Atlet Sekolah Sukan

Tingkah Laku Jurulatih		Motivasi Atlet	
Dimensi	N	Pekali korelasi	Paras Signifikan
Latihan fizikal dan perancangan	127	.898*	0.028
Kemahiran teknikal	127	.913**	0.000
Persediaan mental	127	.707*	0.008
Penetapan matlamat	127	.875*	0.020
Strategi pertandingan	127	.919**	0.000
Keseluruhan Tingkah Laku Jurulatih	127	.877*	0.028

Nota: * $k < .05$ ** $k < .01$

Perbincangan

Tingkah Laku Jurulatih Berdasarkan Jantina, Kategori Sukan dan Tahap Penglibatan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku jurulatih yang ketara berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, dalam kajian Collins (2002), menyatakan bahawa kedua-dua atlet lelaki dan perempuan gemar kepada tingkah laku jurulatih semasa persediaan mental. Begitu juga dengan dapatan kajian Asiah Mohd Pilus dan Rosli Saadan (2005, 2008) yang menyatakan bahawa kedua-dua jantina, iaitu lelaki dan perempuan, gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih semasa latihan fizikal dan perancangan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian oleh Lim Khong Chiu dan Ahmad Tajuddin (2005) yang menyatakan bahawa atlet lelaki menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi latihan dan fizikal dan perancangan, manakala atlet perempuan pula gemar kepada kemahiran teknikal. Manakala kajian Reimer dan Toon (2001) menyatakan bahawa atlet wanita lebih menggemari tingkah laku jurulatih dalam penetapan matlamat, sementara atlet lelaki lebih cenderung kepada tingkah laku jurulatih dalam persediaan mental.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min persediaan mental, penetapan matlamat, dan strategi pertandingan berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Walau

bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, dan keseluruhan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Dapatan kajian ini didapati berbeza berdasarkan latihan fizikal dan perancangan bagi atlet sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan. Manakala bagi kemahiran teknikal bagi atlet sukan individu adalah lebih tinggi berbanding bagi atlet sukan berpasukan. Begitu juga dengan keseluruhan tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet bagi sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan.

Dapatan kajian ini jelas bertentangan dengan dapatan kajian oleh Chelladurai (1984) dan Chelladurai dan Ogasawara (2003), yang mendapati bahawa atlet acara berpasukan lebih gemar kepada tingkah laku kejurulatihan bagi latihan fizikal dan perancangan, berbanding atlet yang berkecimpung dalam acara sukan yang bersifat acara individu. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian oleh Asiah Mohd Pilus dan Rosli Saadan (2008), yang mendapati bahawa pemain sepak takraw (acara berpasukan) menggemari tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan. Di samping itu, kajian oleh Sullivan dan Kent (2003) menyatakan bahawa atlet sukan berpasukan lebih menggemari latihan fizikal dan perancangan, sementara atlet sukan individu menggemari kemahiran teknikal. Manakala kajian oleh Chelladurai dan Salleh (1980) dan Riemer dan Chelladurai (1995) bertentangan dengan dapatan kajian ini, iaitu atlet sukan berpasukan lebih menggemari latihan fizikal dan perancangan berbanding atlet sukan individu. Shaharudin

(2005), pula menyatakan atlet kedua-dua acara sukan menggemari strategi pertandingan, diikuti oleh latihan fizikal dan perancangan, serta kemahiran teknikal.

Berdasarkan penyelidikan ini juga, mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan bagi tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan status penglibatan atlet secara keseluruhannya. Status penglibatan atlet dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlet mewakili peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Sabah (MSSS), Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), atlet yang mewakili peringkat negeri dalam pertandingan terbuka. Walau bagaimanapun, tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet bagi penetapan matlamat adalah berbeza berdasarkan status penglibatan atlet. Status yang berbeza adalah antara atlet yang mewakili negeri MSSM dengan atlet yang mewakili pertandingan terbuka. Atlet yang mewakili negeri MSSM lebih gemar jika jurulatih mengamalkan penetapan matlamat, berbanding atlet yang mewakili negara. Atlet MSSM boleh dianggap sebagai atlet yang masih baru berkecimpung dalam sukan, sementara atlet yang mewakili negeri dalam acara terbuka adalah atlet yang telah lama bergiat dalam sukan. Pengkaji mendapati umur dan pengalaman responden dalam kajian ini mungkin menyumbang kepada persamaan dengan dapatan kajian Nazarudin et al. (2009).

Berbeza dengan dapatan kajian oleh Serpa (1999) yang menyatakan bahawa atlet yang baru (junior) dan atlet (senior) menggemari tingkah laku jurulatih yang mengamalkan penetapan matlamat semasa latihan. Begitu juga dengan dapatan oleh Liukkonen dan Salminen (1990) yang menyatakan bahawa atlet remaja Finland yang berkemampuan tinggi lebih gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih persediaan mental; dan atlet dari kumpulan ini tidak berminat kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku kemahiran, penetapan matlamat, dan strategi pertandingan. Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian oleh Vilani dan Samulski (2005), yang menyatakan bahawa atlet senior (16 hingga 18 tahun) menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan, sementara atlet junior (10 hingga 15 tahun) pula menggemari jurulatih yang mengamalkan tingkah laku bagi strategi pertandingan serta latihan fizikal dan perancangan.

Bagaimanapun dapatan kajian ini setara dengan Shaharudin (2005), yang menyatakan atlet baharu gemar kepada jurulatih yang mengamalkan tingkah laku bagi strategi pertandingan dan latihan fizikal serta perancangan. Sementara atlet senior cenderung kepada jurulatih yang mengamalkan kemahiran teknikal dan penetapan matlamat. Dapatan Chelladurai (1990), menunjukkan atlet yang senior dalam arena sukan dan telah mempunyai hubungan interpersonal yang agak lama dengan para jurulatih menunjukkan persekitaran yang ditempuhi menjadi kebiasaan kepada mereka. Manakala atlet junior pula masih memerlukan jurulatih yang mengamalkan tingkah laku jurulatih strategi pertandingan, kerana jurulatih perlu mengukuhkan sikap dan sifat atlet terhadap program latihan yang direncanakan. Shaharudin (2005). Perbezaan ini bersesuaian dengan “Teori Kepimpinan Situasi” oleh Hersey dan Blanchard (1982), terutamanya yang berkaitan dengan tahap kematangan atlet yang sentiasa

berubah. Teori ini juga bersesuaian dan diteguhkan lagi oleh “Teori Trait” oleh Allport (1961), yang menyatakan bahawa pengaruh persekitaran dapat juga membentuk tingkah laku individu, terutama atlet yang mewakili negeri, yang selalu bertanding di peringkat yang lebih tinggi dan mencabar.

Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Dengan Kepuasan Atlet

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif dan sangat kuat antara kemahiran teknikal, strategi pertandingan dengan kepuasan atlet. Dalam konteks ini, hubungan positif dan kuat antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan, penetapan matlamat dengan kepuasan atlet. Bagaimanapun hubungan yang positif dan sederhana wujud antara persediaan mental dengan kepuasan atlet. Hubungan yang positif dan kuat juga wujud antara keseluruhan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet. Ini adalah seiring dengan dapatan kajian Shaharudin (2005), yang menyatakan wujud hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet yang selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Chelladurai (1984), tentang wujudnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet, penekanan terhadap latihan fizikal dan perancangan serta kemahiran teknikal, strategik pertandingan tingkah laku yang mempunyai hubungan dengan kepuasan atlet dalam tiga kumpulan yang dikaji, iaitu sukan bola sepak(L), olahraga dan hoki (P) di Sekolah Sukan Malaysia. Selain itu, dapatan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian oleh Horne dan Carron (1985), yang melihat terdapatnya hubungan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet, dan mereka juga menyatakan strategi pertandingan merupakan aspek yang banyak mempengaruhi kepuasan atlet berbanding persediaan mental. Dapatan ini disokong oleh Ziad Al Tahayneh (2003) yang mendapati wujudnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet terutamanya strategik pertandingan dan latihan fizikal.

Cakioglu (2003) juga menyatakan kurangnya fokus jurulatih kepada tingkah laku jurulatih mereka menyebabkan tahap pencapaian dan kepuasan atlet menurun. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh Frontiera (2006) yang menyatakan dengan mengetahui aspek tingkah laku jurulatih yang disukai oleh atlet membantu jurulatih merancang dan mengurus program latihan dengan lebih yakin, bermotivasi dan pada masa yang sama atlet merasa seronok semasa program latihan dilaksanakan. Kesan daripada tindakan secara tidak langsung dapat meningkatkan kepuasan atlet khususnya di Sekolah Sukan Malaysia. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tingkah laku jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan merupakan pemboleh ubah utama bagi aspek pencapaian individu, aspek strategi, aspek latihan dan arahan. Sementara itu bagi aspek dedikasi individu kepuasan, terdapat dua pemboleh ubah peramal tingkah laku jurulatih iaitu persediaan mental dan strategi pertandingan di Sekolah Sukan Malaysia. Seterusnya bagi aspek rawatan kepuasan atlet, pemboleh ubah peramal yang utama tingkah laku jurulatih ialah latihan fizikal dan perancangan dan kemahiran teknikal.

Namun demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan Schilliesman (1987), yang mendapati bahawa aspek rawatan merupakan peramal utama bagi tingkah laku jurulatih terhadap kepuasan atlet. Kepuasan atlet mempunyai kaitan dengan tingkah laku jurulatih yang dikaji oleh penyelidik. Jurulatih yang efektif, sepatutnya boleh meningkatkan motivasi, prestasi serta memberi kepuasan kepada atlet sepanjang masa latihan dan pertandingan.

Berdasarkan objektif kajian dalam penyelidikan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tingkah laku jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian juga mendapati kelima-lima tingkah laku jurulatih, iaitu latihan fizikal dan perancangan, kemahiran teknikal, persediaan mental, penetapan matlamat dan strategi pertandingan mempunyai hubungan positif dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus dan Rosli Saadan (2005), yang mendapati terdapatnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet.

Tingkah Laku Jurulatih Dalam Kalangan Atlet Dengan Motivasi Atlet

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan serta kuat antara tingkah laku jurulatih bagi latihan fizikal dan perancangan, penetapan matlamat dengan motivasi atlet. Kajian ini juga mendapati terdapatnya hubungan positif yang signifikan dan sangat kuat antara kemahiran teknikal, strategi pertandingan dengan motivasi atlet. Selain wujud hubungan positif yang signifikan dan sederhana antara persediaan mental dengan motivasi atlet. Manakala dalam hal tingkah laku jurulatih dengan motivasi juga didapati wujud hubungan positif yang signifikan dan kuat. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Asiah Mohd Pilus dan Rosli Saadan (2005), terhadap wujudnya hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlet. Manakala dapatan ini hanya bersamaan dengan saranan Smoll dan Smith (1989), melalui “Model Tingkah Laku Kepimpinan”, yang menyatakan bahawa wujud hubungan antara tingkah laku jurulatih dengan motivasi atlet apabila jurulatih melakukan tugas mereka seperti yang dirancang. Situasi ini berlaku jika atlet dapat memahami perkara yang dilakukan oleh jurulatih mereka, serta bertindak balas terhadap situasi semasa program latihan dilaksanakan, sama ada ketika fasa persediaan, fasa pertandingan, mahupun fasa transisi.

Selain daripada itu, hubungan yang wujud juga disebabkan jurulatih harus memainkan peranan mereka kerana atlet terdiri daripada berbagai-bagai personaliti, seperti jantina dan tahap penglibatan dalam sukan. Bagi atlet yang mewakili Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), sudah tentu berbeza tingkah laku jurulatih berbanding dengan atlet yang mewakili Acara Sukan Terbuka dan negara. Sementara itu, menurut Cakioglu (2003) juga menyatakan kurangnya fokus jurulatih kepada tingkah laku jurulatih mereka menyebabkan tahap pencapaian dan motivasi atlet menurun. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh Frontiera (2006) yang menyatakan dengan mengetahui dimensi tingkah laku jurulatih yang disukai oleh atlet membantu

jurulatih merancang dan mengurus program latihan dengan lebih yakin, bermotivasi dan pada masa yang sama atlet merasa seronok semasa program latihan dilaksanakan. Kesan daripada tindakan jurulatih secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi atlet di Sekolah Sukan Malaysia.

Selain itu, sikap tingkah laku jurulatih itu berdasarkan Teori Laluan Matlamat akan membawa atlet baru kerana kemahiran mereka adalah atlet yang rendah pencapaian tetapi komitmen tinggi terhadap pasukan. Jurulatih boleh mewujudkan persekitaran latihan lebih mesra, berikan perhatian lebih kepada keperluan dan berseronok bersama atleatnya. Maka, tingkah laku jurulatih ini sesuai dengan atlet yang lama kerana kemahiran tinggi dan komitmen tidak berbelah bagi dan pencapaian akan meningkatkan prestasi sukan, menetapkan piawai kerja yang tinggi bagi semua jurulatih, menunjukkan keyakinan tinggi bahawa atlet mampu mencapai tahap yang lebih baik, komitmen kepada atlet dalam proses membuat keputusan. Cara tingkah laku jurulatih ini sesuai untuk atlet yang kemahiran dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap sukan.

Kejayaan seseorang atlet di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Shaharudin, 2005). Faktor adalah intrinsik atlet, bantuan moral dari pihak keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik dan gaya kepimpinan jurulatih. Faktor ekstrinsik menyebabkan atlet cemerlang seperti tingkah laku jurulatih yang diamalkan oleh seseorang, faktor pengiktirafan dan penghargaan seperti wang, pingat kecemerlangan dan gelaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu.

Kesimpulan

Jurulatih memainkan peranan penting dalam membimbing seseorang atlet itu berjaya atau gagal. Sering kali jurulatih memberi pengaruh terhadap atlet secara individu mahupun sesebuah pasukan. Ianya dapat dibangunkan oleh jurulatih melalui kehadiran mereka semasa latihan, tindakan dan pertuturan seseorang jurulatih tersebut. Tidak kira sejauh mana pencapaian seseorang atlet tersebut telah ceburi, jurulatih akan memberi kesan mendalam kepada kehidupan atlet. Maka pembangunan bakat atlet adalah bergantung kepada kualiti kejurulatihan. Kualiti kejurulatihan pula sering ditentukan oleh bagaimana seseorang jurulatih itu berkelakuan semasa melaksanakan aspek latihan fizikal, teknikal, taktikal dan psiko-sosial. Tingkah laku jurulatih semasa latihan, semasa pertandingan dan ketika tidak berlatih, mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemain mereka. Hal ini berkemungkinan akan memberi kesan kepada prestasi pemain dan penyertaan pemain dalam sesuatu pertandingan.

Penghargaan

Terima kasih kepada kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Universiti Malaysia Sabah atas geran Penyelidikan GPP0009 bagi melaksanakan kajian ini.

Rujukan

- Abedini, M., Esmaili, M., & Tojari, F. (2014). The relationship between coaching leadership styles and achievement motivation of Iran's professional and amateurish fencers. *International Journal of Sport Studies*, 4(7), 744–750.
- Alfermann, D. L., Martin J., & Wurth, S. (2005). Perceived leadership behavior and motivational climate as antecedents of adolescent athletes skill development. *Athletic Insight, The Online J. Sport*, 7(2).
- Allport, G. W. (1961). *Pattern and Growth in Personality*. New York: Holt, Rinehart Winston Publisher.
- Amorose, A. J., & Anderson-Butcher, D. (2007). Autonomy-supportive coaching and self-determined motivation in high school and college athletes: A test of self-determination theory. *Psychol Sport Exerc*, 8(5), 654–670.
- Amorose, A. J., & Horn, T. S. (2001). Pre-to post-season changes in the intrinsic motivation of first year college athletes: Relationships with coaching behavior and scholarship status. *J Appl Sport Psychol*, 13(4), 355–373.
- Asiah, M. P., & Rosli, S. (2005). Coaching leadership style and athlete satisfaction in sport team. Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005. 27-29 March 2005, Kota Kinabalu, Sabah. 501–535.
- Asiah, M. P., & Rosli, S. (2009). Coaching leadership styles and athlete satiations among hockey team. *Journal of Human Capital Development*, 2(1), 77–88.
- Barić R., & Bucik V. (2019). Motivational differences in athletes trained by coaches of different motivational and leadership profiles. *Kinesiology*, 41(2), 181–194.
- Cakioglu, A. (2003). *Leadership and Satisfaction in Soccer: Examination of Congruence and Players' Position*. Master Thesis, Department of Physical Education and Sport: Middle East Technical University.
- Chelladurai, P. (1978). *A Contingency Model of Leadership in Athletics*. Unpublished Doctoral Dissertation, University of Waterloo, Canada.
- Chelladurai, P., & Carron, A. V. (1978). Leadership. *Canadian Association for Health, Physical Education and Recreation Sociology of Sport Monograph Series A*, Calgary, AB: University of Calgary.
- Chelladurai, P., & Saleh, S. D., (1980). Dimensions of leader behavior in sports: Development of a leadership scale. *J. Sport Psychology*, 2, 34–45.
- Chelladurai, P. (1984). Discrepancy between preferences and perceptions of leadership behavior and satisfaction of athletes in varying sport. *Journal of Sport Psychology*, 6, 27–41.
- Chelladurai, P., & Carron, A. V. (1981). Task Characteristics and Individual Differences and Their Relationship to Preferred Leadership in Sports. Dalam G. C. Roberts & D. M. Landers(Eds.), *Psychology of motor behavior and sport-1980* (pp. 87). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Chelladurai, P., Imamura, H., Yamaguchi, Y., Oimnuma, Y., & Miyauchi, T. (1988). Sport leadership in a cross-national setting: The case of Japanese and Canadian university athletes. *J. Sport and Exercise Psychol.*, 10, 374–389.
- Chelladurai, P. (1990). Leadership in sports: A review. *International J. Sport and Exercise Psycho*, 21(4), 328–354.
- Chelladurai, P. & Riemer, H. A. (1997). A classification of facets athlete satisfaction. *Journal of Sport Management*, 11, 13–159.
- Chelladurai, P., & Riemer, H. (1998). Measurement of Leadership in Sport. Dalam J. Duda (Ed.), *Advances in Sport and Exercise Psychology Measurement* (227–253).
- Côté, J. (1999). The influence of the family in the development of talent in sport. *The Sport Psychologist*, 13, 395–417.
- Côté, J., Salmela, J. H., Trudel, P., Baria, A., & Russell, S. (1995). The coaching model: A grounded assessment of expert gymnastics coaches' knowledge. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 17, 1–17.
- Cote, J., Yardley, J. K., Sedgwick, W. A., & Dowd, J. K. (1996). *Development of the Coaching Behaviour Scale*, Brock University, Canada.
- Côté, J., (1998). Coaching Research And Intervention: An Introduction To The Special Issue. *Avante*, 4, 1–15.
- Côté, J., Yardley, J., Hay, J., Sedgwick, W., & Baker, J. (1999). An Exploratory Examination of The Coaching Behaviour Scale For Sport. *Avante*, 5, 82–92.
- Côté, J., Baker, J., & Abernathy, B. (2003). From Play To Practice: A Developmental Framework For The Acquisition Of Expertise In Team Sports. Dalam J. Strakes & K. A. Ericsson (Eds.), *Expert Performance In Sports: Advances In Research On Sport Expertise* (Pp.89-114). Champaign, IL: Human Kinetics.
- Collins, K. C. (2002). *An Examination of Factors Influencing Entrapment and Burnout Among Collegiate Female Field Hockey and Lacrosse Coaches*. Unpublished Doctoral Dissertation. Greensboro, USA: University of North Carolina.
- Gearity, B. T. (2011). Poor teaching by the coach: A phenomenological description from athletes' experience of poor coaching. *Physical Education and Sport Pedagogy, First Article*, 1–18.
- Gearity, B. T., & Murray, M. A. (2010). Athletes' experiences of the psychological affects of poor coaching. *Psychology of Sport and Exercise*, 12, 213–221.
- Gibbons, T., McConnell, A., Forster, T., Riewald, S. T., & Peterson, K. (2003). *U.S. Olympians Describe the Success Factors and Obstacles that Most Influenced their Olympic Development. Phase II: Results of the Talent Identification and Development Questionnaire to U.S. Olympians*. Community Outreach and Coaching and Sport Sciences Divisions: USA.
- Gordon, J. P. F. (1988). Individual Morality And Reputation Costs As Deterrents To Tax Evasion, *European Economic Review*, forthcoming.
- Gordon, R., (1986). Folk Psychology as Simulation, *Mind and Language*, 1: 158–171; reprinted Dalam M. Davies and T. Stone (eds.), *Folk Psychology: The Theory of Mind Debate*, Oxford: Blackwell Publishers.

- Hersey, P., & Blanchard, K. H. (1982). *Management Of Organization: Utilizing Human Resources*. (4th Edition). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Horne, T., & Carron, A.V. (1985). Compatibility In Coach-Athlete Relationships. *Journal of Sport Psychology*, 7, 137–149.
- Horn, T. S. (1987). The Influence Of Teacher-Coach Behaviour On The Psychological Development Of Children. Dalam D. Gould & M.R. Weiss (Eds.) *Advances in pediatric sport sciences vol.2: Behavioral issues (pp.121-142)*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Horn, T. S. (2002). Coaching Effectiveness In The Sport Domain. Dalam T.S. Horn (Ed.). *Advances in Sport Psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics, 309–355.
- Horn, T.S, Bloom, S, Berglund K. M, Packard, S. (2011). Relationship between collegiate athletes' psychological characteristics and their preferences for different types of coaching behavior. *Sport Psychol*, 25(2), 190–211.
- Hersey, P. & Blanchard, K. H. (1982). *Management Of Organization: Utilizing Human Resources*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, 4th Edition.
- Iso-Ahola, S. E., & Hatfield, B. (1986). *Psychology of Sports: A Social Psychological Approach*. Dubuque: W. C. Brown.
- Jowett, S., & Cramer, D. (2010). The prediction of young athletes' physical self from perceptions of relationships with parents and coaches. *Psychology of Sport and Exercise*, 11, 140–147.
- Khong Chiu, Lim, & Ahmad Tajuddin. (2005). "Athletes' Perceptions towards Coaches Leadership Behaviors and its Relationship with Achievement Orientation" dalam Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005. Kota Kinabalu, Sabah: 27-29 March, 234–243.
- Kaya, Y., & Canbaz, M. (2005). Examining motivational factors of taekwondo athletes on perception dimension in terms of their relationship with their coaches. Selçuk University, *The Journal of Institute of Social Science*, 14, 377–392.
- Liukkonen, J., & Salmiminen, S. (1990). The Athletes Perception of Leader Behaviour of Finish Coaches. *World Congress On Sport For The All*. Tampere, Finland: June 3-7, 76–84.
- Mallet, C. J. (2003). Why the fire burn so brightly. *International Journal of Sports Psychology*, 3, 117–131.
- Murray, N. P. (2006). The differential effect of team cohesion and leadership behavior in high school between sports. *Individual Differences Res.*, 4(4), 216–225.
- Nazarudin, M. N., Omar Fauzee, M. S., Jamal, M., Soh, K. G., & Din, Anuar. (2009). Coaching leadership styles and athlete satisfaction among Malaysian university basketball team. *Research Journal of International Studies*, 9, 4–11.
- Riener, H. A., & Chelladurai, P. (1995). Leadership and satisfaction in athletes. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 17, 276–293.
- Riener, H. A., & Chelladurai, P. (1998). Development of the Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ). *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 20, 127–156.
- Riener, H. A., & Toon, K. (2001). Leadership And Satisfaction In Tennis: Examination Of Congruence, Gender And Ability. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 72(3), 243–256.
- Shaharudin Abd. Aziz (2005). Perkaitan antara matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet Sukma (Sukan Malaysia) Negeri Perak Di Kejohanan Sukma 2004. Dalam *Wacana Penyelidikan UPSI*, 13. Tanjong Malim, Malaysia: UPSI Press.
- Smoll, F. L., & Smith, R. E. (1989). Leadership behaviors in sport: A theoretical model and research paradigm. *Journal of Applied Social Psychology*, 19, 1522–1551.
- Smith, A., Ntoumanis, N., & Duda, J. (2010). An investigation of coach behaviors, goal motives, and implementation intentions as predictors of well-being in sport. *Journal of Applied Sport Psychology*, 22, 17–33.
- Spink, K. S. (1995). Cohesion and intention to participate of female sport team athletes. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 17, 416–427.
- Stewart, C. (1993). Coaching behaviors: The way you were, or the way you wished you were. *Physical Educator*, 50, 23–30.
- Summers. (1983). Marital Interaction and Satisfaction: A Longitudinal Madison. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 57(1), 47.
- Sullivan, P. J., & Kent. A. (2003). Coaching efficacy as a predictor of leadership styles in intercollegiate. *Athletics of Applied Sport Psychology*, 15, 1–11.
- Serpa, S. (1999). Relationship coach-athlete: Outstanding trends in European Research. *Portuguese Journal of Human Performance Studies*, 12, 7–19.
- Turksoy, A., & Sarkici, T. (2003). 12-14 age range football players satisfaction on the perceived and preferred with the leader behaviors of their coaches. Istanbul University. *Journal of Sport Sciences*, 11(3), 200–203.
- Vilani, L. H. P., & Samulski, D. M. (2005). Situational leadership II and the coach-athlete relationship in Brazil table tennis. *Sport Science Research*, 26 (3), 31–36.
- Wang, J. C. K., Koh, K. T., & Chatzisarantis, N. (2009). An intra-individual analysis of players' perceived coaching behaviors, psychological needs, and achievement goals. *International Journal of Sports Science & Coaching*, 4(2), 177–192.
- Wu, A. M.S., Lai, M. H. C., & Chan, I. T. (2014). Coaching behaviors, satisfaction of needs, and intrinsic motivation among Chinese university athletes. *J Appl Sport Psychol*, 26(3), 334–348.
- Zardoshtian, S, Naghsbandi, S., & Jabari, N. (2011). Predicting self-determined motivation of elite female volleyball players from leadership styles of coaches in Iran. *International Journal of Sports Science and Engineering*, 5(4), 219–224.
- Ziad Al. Tahayneh (2003). The Effects of Coaches. Behaviors and Burnout On The satisfaction and Burnout of Athletes. *Published PHD Dissertation, Department of Sport Management, Recreation Management and Physical Education, Florida State University*.

Zhang, J., Jensen, B., & Mann, B. L. (1997). Modification and revision of the Leadership Scale for Sport. *Journal of Sport Behavior*, 20, 105–122.